## Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Pemimpin Pelajar Universiti

Pelajar yang pintar dan bijaksana pada dekad ini bukan sahaja perlu memiliki IQ yang tinggi malahan perlu juga mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi adalah seorang individu yang boleh mengawal perasaan dan tindakan sendiri, mempunyai daya ketahanan untuk mencapai matlamat hidup, boleh mengurus perasaan negatif serta mudah menjalin persahabatan dengan orang lain. Perasaan atau emosi ini memainkan peranan yang penting dalam kesejahteraan, kebahagiaan dan kecemerlangan seseorang sama ada dalam kehidupannya secara personal ataupun secara profesional. Buku ini menerangkan mengenai kepentingan kecerdasan emosi, serta model-model kecerdasan emosi yang diperkenalkan oleh Goleman, Reuven Bar-on, Mayer-Caruso-Soleway dan Model Kecekapan Emosi Goleman-Noriah. Domain-Domain Kecerdasan Emosi, Kepentingan Kecerdasan Emosi, Teori & Model Pembangunan Pelajar di Universiti, Teknik Mengenalpasti Kecerdasan Emosi turut diperjelaskan di dalam buku ini. Kesemua perbincangan mengenai domain-domain, teori dan model Kecerdasan Emosi yang dibincangkan dalam buku ini membantu pelajar-pelajar universiti awam Malaysia menjadi seorang pemimpin yang berjaya.

ROSMA AYU HARUN, PH.D. seorang Pegawai Tadbir di UKM yang berpengalaman dalam pengurusan hal ehwal dan aktiviti pelajar lebih 18 tahun. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Penolong Pengarah Bahagian Mahasiswa & Remaja di Jabatan Perdana Menteri yang telah mengendalikan lebih daripada 100 kursus kepimpinan dan jati diri pelajar peringkat university dan sekolah. Berkelulusan dalam Ijazah Sarjana Muda (Komunikasi), Sarjana Pembangunan Sumber Manusia & Doktor Falsafah Psikologi Pendidikan (Kecerdasan Emosi & Kepimpinan). NORIAH MOHD. ISHAK, PH.D. mempunyai Ijazah Sarjanamuda Sains Matematik dan Pendidikan dari Universiti Malaya, Sarjana dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling dari UKM dan Doktor Falsafah (Psikologi Kaunseling) dari Western Michigan University, Amerika Syarikat. Noriah di lantik sebagai Pengarah Pusat GENIUS@pintar Negara, UKM pada tahun 2010 hingga 2018. Kini beliau dilantik sebagai Konsultan kepada Pusat GENIUS@pintar Negara, UKM sehingga 2021. SALLEH AMAT, PH.D. adalah Profesor Madya dan Pengerusi Pusat Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM. Bidang kepakaran beliau adalah dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling. Beliau seorang kaunselor berdaftar serta salah seorang ahli Lembaga Kaunselor Malaysia. Sebagai pendidik kaunselor beliau juga aktif dalam penyelidikan dan aktiviti khidmat masyakat yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan mental dan emosi masyarakat.

PENERBIT UKM
UKM PRESS
http://ukmpress.ukm.my

Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Pemimpin Pelajar Universiti
ROSMA AYU HARUN



# KECERDASAN EMOSI
## dalam Kalangan Pemimpin Pelajar Universiti

ROSMA AYU HARUN
NORIAH MOHD ISHAK
SALLEH AMAT